

**UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PERHIMPUNAN PERINGATAN HARI POLIS KE-193 TAHUN 2000
DI PULAPOL
25 MAC 2000**

Menghadapi cabaran

Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi

Saudara-saudari,

1. Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wata'ala kerana dengan limpah dan kurnianya dapat kita sama-sama menghadiri perhimpunan pada pagi yang berbahagia ini sempena dengan ulangtahun yang ke-193 penubuhan pasukan polis di Malaysia.

2. Tema hari polis pada tahun ini sama dengan tema tahun lalu, iaitu mesra, cepat dan betul. Pada saya, tema ini amat sesuai dengan suasana dan keadaan sekarang. Tema ini harus dipupuk dan diamalkan supaya ianya menjadi mindset pegawai dan anggota polis dalam menguatkuasakan undang-undang negara.

3. Namun demikian, mindset, ataupun semangat, dedikasi dan kesetiaan sahaja tidaklah mencukupi untuk memelihara kedaulatan undang-undang dan kesejahteraan rakyat secara berkesan pada setiap masa. Usaha ini memerlukan keinsafan, kefahaman dan penghayatan yang mendalam terhadap bidang tugas masing-masing. Keberkesanan sesuatu perkhidmatan juga memerlukan mutu perkhidmatan yang lebih tinggi dan bentuk perkhidmatan yang harus dikemaskinikan dari masa ke semasa. Dengan lain perkataan, keinsafan, kefahaman serta penghayatan seorang anggota polis terhadap bidang tugas masing-masing haruslah diselaraskan dengan kemajuan dan pemikiran rakyat. Ia juga perlu sejajar dengan perkembangan sosio-ekonomi, politik dan budaya bangsa malaysia pada keseluruhannya.

4. Pasukan polis dipertanggungjawabkan untuk melindungi orang ramai. Saya yakin bahawa keinsafan serta penghayatan yang saya nyatakan akan membolehkan anggota polis berkhidmat kepada masyarakat dengan adil dan saksama tanpa membeza-bezakan pangkat dan darjat. Sebagai anggota keselamatan yang berinteraksi dengan orang ramai, saudara-saudari harus mengamalkan konsep mesra rakyat atau friendly policing. Pasukan polis tidak boleh lari dari hakikat bahawa ianya senantiasa diteropongi oleh pelbagai pihak.

5. Saudara-saudari diibaratkan sebagai pagar yang ditugaskan menjaga padi. Oleh yang demikian, tidaklah hairan jika masyarakat umum amat sensitif dengan setiap perlakuan, perbuatan atau tindak-tanduk para pegawai dan anggota polis.

Saudara-saudari,

6. Sebagai menteri yang bertanggungjawab atas pasukan polis, saya ingin nyatakan dengan jelas dan tegas bahawa kesejahteraan dan keamanan yang dinikmati oleh rakyat dan negara kita pada hari ini sebahagian besarnya melambangkan kejayaan

pasukan polis. Sebagai agensi penguatkuasa utama undang-undang negara yang didukung oleh sebuah kerajaan yang responsif dan bertanggungjawab, pdrm telah membuktikan dan berjaya meletakkan negara kita ini dalam keadaan aman dan sejahtera situasi ini amat penting kerana jika negara berada di dalam keadaan tidak stabil, maka usaha-usaha untuk membangunkan negara akan terjejas. Perniagaan tidak akan tumbuh, pelabur-pelabur tidak akan mempunyai keyakinan terhadap kita, rakyat tidak dapat bergerak dengan bebas untuk mengendalikan tugas harian dan akibatnya, kita akan sengsara.

7. Tidak siapa yang dapat menafikan bahawa wujudnya satu pasukan polis yang professional yang mengawal keadaan di negara menjadi sebab yang utama yang kita tidak terheret ke satu keadaan huru-hara semasa kemelut ekonomi yang melanda kita selama dua tahun yang lepas. Kita dapat lihat di beberapa negara lain dimana kemelesetan ekonomi menyebabkan rusuhan, pembunuhan dan runtuh sistem pemerintahan dan akhirnya, rakyat negara-negara ini hidup merana dan dalam ketakutan.

8. Malah, pasukan polis telah banyak kali dalam sejarah negara membuktikan bahawa profesionalisme dan kesungguhan menjalankan tugas-tugas dengan penuh bertanggungjawab boleh menumpaskan ancaman seperti pengganas komunis, konfrontasi dan rusuhan mei 13. Pasukan polis juga berjaya membentasi jenayah, gejala sosial, ekstremis agama, politik dan perkauman dan berbagai ancaman lain yang menghadapi negara. Syabas saya ucapkan dengan harapan bahawa saudara-saudari akan terus meningkatkan tahap profesionalisme kerana rakyat dan negara.

9. Walau bagaimanapun, polis pada hari ini menghadapi banyak lagi cabaran. Jika pasukan polis pada mulanya ditubuh hampir dua abad yang lalu diberi tanggungjawab hanya setakat membentasi kongsi gelap dan jenayah kecil, maka kini dengan perubahan zaman, tugas mereka merangkumi pelbagai perkara dan bidang yang mempengaruhi hidupan harian kita. Bersama dengan tanggungjawab dan tugas-tugas yang lebih berat ini, maka timbul pula pelbagai cabaran dari dalam dan luar pasukan polis yang harus dihadapi. Jika cabaran-cabaran ini tidak ditangani dengan penuh kejujuran, keikhlasan dan tanggungjawab, maka prestasi pasukan polis akan terjejas dan seterusnya, keamanan dan kesejahteraan yang kita nikmati akan terganggu.

10. Cabaran-cabaran yang saya maksudkan itu boleh dikategorikan sebagai cabaran dalaman yang patut diketengahkan dengan jujur oleh pengamal penguatkuasa undang-undang dan cabaran dari luar yang dihadapi melalui latihan dan peningkatan tenaga mahir.

11. Cabaran dalaman termasuk isu rasuah, salah guna kuasa dan tidak berprofesional dalam mengendalikan tugas-tugas. Apabila saya timbulkan perkara ini, saya ingin juga menegaskan terlebih dahulu bahawa bilangan anggota dan pegawai polis yang terlibat dalam perkara seperti ini adalah kecil. Majoriti anggota polis menjalankan tugas mereka dengan penuh ikhlas dan disiplin. Namun, kita tidak mahu kerana nila setitik rosak susu sebelanga. Pasukan polis harus berbangga dengan rekod yang dicatat dalam sejarah 193 tahun penubuhan mereka. Kita tidak mahu rekod ini dicemar kerana perbuatan dan kelakuan beberapa pegawai dan anggota polis yang tidak dapat mengawal nafsu.

12. Dalam hal ini, saya berharap pasukan polis memantapkan diri bagi mencapai sebuah pasukan yang tidak boleh dirasuah. Pasukan polis mesti jujur, ikhlas,

bertanggungjawab dan penuh disiplin. An incorruptible police force. Amalan ini harus menjadi matlamat setiap anggota perkhidmatan awam, ahli politik dan kerajaan, terutamanya pasukan keselamatan yang dipertanggungjawabkan untuk memelihara undang-undang negara. Saya mengakui perkara ini lebih senang diperbincangkan daripada dilaksanakan. Tetapi agama kita juga mendesak kita supaya jauhi diri dari amalan yang merosakkan seperti rasuah dan salah guna kuasa. Jika kita percaya bahawa tiada kuasa lain yang lebih agung dari kuasa Allah s.w.t. maka matlamat ini sepatutnya lebih mudah dicapai.

13. Kerajaan juga menyedari bahawa pasukan polis harus bersedia untuk menghadapi cabaran luaran di alaf baru ini. Kemajuan pesat dalam bidang teknologi maklumat (IT) telah membawa kepada peralihan zaman menuju kepada pembentukan masyarakat global (global society). Fenomena ini sedang berlaku dalam masyarakat dan organisasi di sekeliling kita. Dalam menghadapi cabaran yang dibawa oleh revolusi maklumat, PDRM perlu menyediakan diri dari segi mental serta fizikal. Bagi tujuan membekalkan pasukan polis dengan ilmu pengetahuan supaya mereka menjadi sebahagian dari masyarakat berpengetahuan ataupun "knowledge society", kerajaan telah memperuntukkan pembiayaan membangunkan 13 institusi latihan dan sebuah institusi yang khusus dalam bidang teknologi maklumat.

14. Kerajaan juga telah memperuntukkan pertambahan perjawatan baru dibawah pelaksanaan modul struktur organisasi baru (MSOB) pasukan polis yang mula dilaksanakan secara berperingkat sejak tahun 1990. Kini perjawatan keseluruhan bagi PDRM adalah sebanyak 82,848 iaitu, pertambahan sebanyak 7.7% berbanding dengan 78,891 sebelumnya. Untuk mempertingkatkan keanggotaan PDRM bagi menjamin kemantapan dan keberkesanan peranan yang dimainkan oleh pasukan, maka dua langkah sedang dilaksanakan iaitu melalui langkah jangka pendek untuk memenuhi kekosongan perjawatan sedia ada dengan kadar segera. Manakala melalui langkah jangka panjang, kita sedang mengkaji semula keperluan pertambahan perjawatan keseluruhan PDRM. Tambahan keanggotaan ini adalah untuk menampung keperluan pegawai dan anggota PDRM untuk menghadapi cabaran-cabaran seperti berikut: -

Pembangunan negara:

Pembangunan pesat infrastruktur, pengwujudan kawasan industri dan penempatan baru seperti Putrajaya, Cyberjaya, laluan kedua gelang patah memerlukan tambahan pegawai dan anggota PDRM untuk membuat rondaan dan pengawasan keselamatan dengan lebih berkesan.

Dasar policing the future:

Tindakan pro-aktif untuk mempertingkatkan kesedaran masyarakat agar memahami tugas-tugas polis dan sedia berkerjasama menangani masalah sosial dan jenayah. Oleh itu, program "community policing" dan "youth friendliness" perlulah dipertingkatkan terutamanya kepada golongan juvana sejak di bangku sekolah lagi. Sebagai contohnya, memperluaskan dan menambah platun kadet polis.

Perstruktur semula organisasi PDRM:

Perstruktur dibuat dengan tujuan memastikan bahawa PDRM dapat: -

(A) Menyesuaikan diri dengan perkembangan semasa dalam melaksanakan

tanggungjawab dan peranan seiring dengan anjakan paradigma sosial dan pembangunan negara.

(B) Mempertingkatkan kerjasama pihak polis dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam menangani masalah yang berkaitan dengan tugas pdrm secara lebih profesional.

(C) Persediaan menghadapi dan menangani ancaman baru kepada negara hasil dari perkembangan semasa dunia.

15. Di samping usaha-usaha kearah mempertingkatkan bilangan keanggotaan PDRM, kerajaan juga amat menyedari terhadap keperluan untuk membangunkan infrastruktur perkhidmatan pasukan dari masa kesemasa. Kearah ini, pdrm telah melaksanakan projek pengkomputeran seperti membangunkan sistem MAFIS (Malaysian Automated Fingerprint Identification System) bagi mengesan cop jari, sistem PRS (police reporting system) untuk laporan polis serta sistem CARS (computer accident reporting system) dan sebagainya.

Saudara-saudari,

16. Sebentar tadi saya telah menyentuh tentang beberapa cabaran utama yang dihadapi pasukan polis dan tindakan susulan untuk mengatasi cabaran-cabaran ini. Seperti juga anggota polis, kerajaan juga menghadapi cabaran untuk memastikan kebajikan anggota PDRM terjaga. Tanggungjawab yang dipikul oleh anggota polis amat berat dan harapan rakyat serta negara terhadap mereka amat tinggi. Dalam suasana yang sedemikian, kerajaan sentiasa berikhtiar supaya anggota polis selesa fikiran mereka dari masalah seperti perumahan dan imbuhan yang lain.

17. Kerajaan mengambil berat tentang kebajikan pasukan keselamatan kita. Dengan menyediakan faedah-faedah ataupun kemudahan seperti perumahan dan gaji yang seimbang, kita juga boleh memastikan bahawa generasi muda menjadikan polis sebagai profesion pilihan.

18. Dari segi perumahan, sehingga tahun 1999, sebanyak 50,282 unit rumah telah siap dibina untuk anggota dan pegawai polis. Dalam Rancangan Malaysia ke-8, sasaran rumah yang akan disiapkan ialah sebanyak 58,713 unit dari pelbagai kelas. Ini bermakna 74.13% daripada keseluruhan pegawai dan anggota PDRM akan dapat menikmati kemudahan perumahan. Usaha menyediakan perumahan bagi pegawai dan anggota polis dan tempat kerja yang selesa akan terus dipergiatkan secara bersungguh-sungguh. Kerajaan akan terus menyokong perancangan PDRM untuk mencapai sasaran penyediaan perumahan sehingga 90% seberapa cepat yang boleh dan insya Allah, sebelum berakhirnya Rancangan Malaysia ke-8.

19. Dari segi gaji, kerajaan telahpun melaksanakan perubahan-perubahan gaji beberapa kali iaitu pada tahun 1970, 1976, 1980, 1989, 1992 dan akhir sekali, pada tahun 1995 dibawah sistem saraan baru. Kerajaan akan terus mengkaji semula tangga gaji anggota polis untuk disesuaikan dengan keadaan semasa. Dari segi imbuhan-imbuhan, kerajaan sentiasa mengambil perhatian yang berat. Pada masa ini pegawai polis terutamanya diperingkat pegawai pangkat rendah menikmati sebanyak 17 imbuhan-imbuhan yang dibayar kepada mereka yang bertugas di cawangan specialist. Imbuhan berlainan disediakan untuk anggota dalam cawangan-cawangan yang lain.

Saudara-saudari,

20. Kita telahpun menjejak alaf baru PDRM telah mencatatkan sejarah yang membanggakan dan kemakmuran yang kita nikmati pada hari ini tidak akan tercapai tanpa sumbangan besar PDRM.

21. Ianya juga jelas bahawa kesejahteraan negara pada hari ini adalah juga berkat usaha kerajaan yang terus-menerus memperjuangkan keadilan untuk semua pihak. Keadilan ini diwujudkan menerusi sistem perundangan dan pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama. Oleh yang demikian jangan sesiapa pun cuba menimbulkan soal ketidakadilan menerusi pemikiran yang sempit dan apatah lagi yang berbentuk perkauman atau keagamaan.

22. Disini, saya ingin menyeru kepada masyarakat umum supaya membantu dan memberi kerjasama yang penuh kepada pasukan polis supaya kita dapat mengekalkan cara hidup yang kita nikmati sekarang. PDRM harus mengambil kira pendapat serta pandangan yang positif daripada masyarakat umum terhadap mutu perkhidmatannya. dan masyarakat umum harus mengiktiraf peranan pasukan polis dalam menjaga ketenteraman awam. Dengan wujudnya perhubungan erat antara polis dan orang ramai maka usaha-usaha kita untuk memajukan negara akan lebih berkesan.

23. Apabila sudah wujud persefahaman maka tugas-tugas polis dalam aspek pencegahan jenayah akan bertambah ringan. Dengan ini lebih banyak tenaga manusia dan logistik pasukan polis akan dapat ditumpukan kepada tindakan penguatkuasaan undang-undang.

24. Akhir sekali, saya bagi pihak kerajaan dan rakyat jelata ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh anggota polis di atas khidmat cemerlang serta pengorbanan mereka untuk keselamatan dan kesejahteraan negara kita ini. Moga-moga di hari polis ini, setiap anggota di semua peringkat akan membaharui tekad dan keazaman untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan mereka demi kepentingan masyarakat dan negara. Sememangnya polis mempunyai kuasa yang amat luas. Kuasa polis boleh didapati dalam kebanyakan undang-undang yang digubal oleh Parlimen. Gunakanlah kuasa ini dengan berhemah dan bijaksana supaya apa saja tindakan saudara-saudari tidak terkeluar dari landasan undang-undang.

25. Sekian, wabillahi tawfik, walhidayah, wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.